

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 16 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Quake – hit KK villages get water tanks	The Star
2.	TM Tours & Travel 100 syarikat PKS terbaik	Berita Harian
3.	Noorul lalui pengalaman tidak menyenangkan di Paris	Utusan Malaysia

**KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 16  
TARIKH: 16 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**



**Joint effort:**  
Villagers and  
volunteers  
making a  
reservoir at a  
water  
catchment area  
to get water  
supply.

## Quake-hit KK villages get water tanks

**KOTA KINABALU:** Some 16 villages in Ranau who are still facing water woes following the June 5 Mount Kinabalu earthquake will receive 160 plastic water tanks donated by companies and the public.

The tanks and 143 rolls of poly-pipes were bought using funds collected from the corporations and the public.

The fund drive was organised by the Centre for Strategic Engagement (CENSE) – a think tank, Sabah's newest radio station KupiKupiFM and the Pertubuhan Perhubungan Strategik Rakyat Malaysia (PPSRM) non-governmental organisation.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau, who received the contribution on behalf of Upko yesterday,

thanked the contributors for their help for the affected victims in Ranau.

"We hope more people would emulate them and come forward to give a helping hand."

"Although water supply is restored in the affected areas, there are some areas that need help and much more needs to be done. I hope there will be more sponsors for the Sabah earthquake victims," he added.

PPSRM vice-chairman Fui K. Soong, Upko information chief Albert Bingkasan as well as KupiKupiFM producer Lester Miol were present during the ceremony.

Since it launched the fund-raising campaign in June, PPSRM had raised over RM200,000 for the initi-

ative, of which RM130,000 had already been spent for the distribution of water tanks and poly-pipes.

Work was also carried out to restore gravity water supply system in Kampung Lobou Timboa and Kampung Dumpiring, both in Ranau.

The work was carried out with the help of the Royal Military College Putra Old Boys.

PPSRM plans to build or restore gravity water systems on a *gotong-royong* basis with villagers in need of such aid.

Soong said they hope to raise more funds to expand their gravity water initiative to Kota Belud by early next year, as the district was also severely affected by the earthquake.

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B9  
TARIKH: 16 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

# TM Tours & Travel 100 syarikat PKS terbaik

**TM Tours & Travel Sdn Bhd** dipilih sebagai antara 100 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang layak menerima "Most Fast Moving Company" di Malaysia.

Ia sekali gus menjadi agensi pelancongan tempatan tunggal yang dianugerahkan pengiktirafan itu berdasarkan pencapaian memberangsangkan serta inovasi syarikat dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan pelancongan.

Anugerah disampaikan kepada Pengarah Urusan TM Tours, Naimah Abdullah dan suami, Ridzwan Abdullah oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah dalam majlis yang berlangsung baru-baru ini. Yang turut hadir, Penerbit Kumpulan dan Ketua Pengarah Majalah SME, Datuk William Ng.

## 5,000 syarikat PKS terpilih

Sebanyak 5,000 syarikat PKS terpilih di Malaysia dari bulan April hingga September tahun ini untuk pemilihan anugerah. Daripada jumlah itu sebanyak 697 syarikat memberi maklum balas dengan 100 syarikat terbaik



Abu Bakar (kanan) **menyampaikan anugerah SME100** kepada Mohd Ridzwan (tengah) dan Naaimah (kiri) pada SME 100 Awards 2015 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY/BH]

dipilih berdasarkan kriteria kuantitatif seperti pertumbuhan pendapatan dan keuntungan serta kriteria kualitatif seperti prospek perniagaan, pelaburan dalam latihan dan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Naimah berkata, pencapaian terbaik TM Tours adalah pengik-

tirafan di peringkat antarabangsa apabila menerima anugerah daripada Japan National Tourism Organisation (JNTO), Mac lalu atas usaha dan pencapaian membawa seramai RM249,500 pelancong ke Jepun pada tahun 2014.

Selain itu, pada Ogos lalu,

syarikatnya turut dipilih untuk menandatangani perjanjian dengan Korea Medical Association (KMTA) untuk mengendalikan Pelancongan Perubatan Muslim di Seoul.

## Pemangkin semangat

"Pengiktirafan ini menyemarakkan lagi semangat seluruh warga kerja TM Tours untuk meningkatkan lagi perkhidmatan agar menjadi ejen pelancongan terkena di negara ini. Malah, kita sentiasa berusaha memperkenalkan pakej terbaik untuk pelanggan agar wang yang dibelanjakan berbaloi dengan perkhidmatan yang mereka mahu," katanya.

Naimah berkata, dengan pengalaman selama 25 tahun sebagai penasihat dan perunding pelancongan, TM Tours sentiasa memastikan dapat memenuhi permintaan pelanggan ke destinasi yang dipilih mengikut kemampuan mereka selain berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia, Malaysian Travel and Tour Agent (MATTA), Persatuan Pengembala dan Pelancongan Bumiputra (BUMITRA) dan International Air Transport Association (IATA).

"Sejak ditubuhkan pada tahun 1991, syarikat ini menawarkan pelbagai perkhidmatan berkaitan pelancongan seperti pelancongan dalam dan luar negara, tempahan tiket penerbangan dan hotel, pakej Haji dan Umrah, inap desa dan permohonan visa," katanya.

# Noorul lalui pengalaman tidak menyenangkan di Paris

**KUALA LUMPUR 15 Nov.** - Selepas mengalami kejadian penuh huru hara semasa serangan 11 September 2001 di Amerika Syarikat, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur sekali lagi berdepan keadaan sedemikian apabila kota raya Paris diserang pada Jumaat.

"Saya berada di Amerika Syarikat semasa serangan 11 September dan terkandas di sebuah tempat bernama Elizabeth kerana tiada penerangan keluar dari situ," katanya.

Serangan di Amerika Syarikat dan Paris mungkin berlaku pada skala berbeza tetapi ia menyebabkan berlakunya situasi yang tiada siapa pun mahu terlibat dengannya, katanya kepada Bernama dalam temu bual menerusi telefon dari ibu negara Perancis itu.

Menurut laporan, Paris menyatakan 153 orang terbunuh dalam serangan Jumaat malam itu yang berlaku di sebuah dewan konsert, restoran-restoran di pusat bandar dan berdekatan Stade de France.

Noorul Ainur, yang pada masa

ini menghadiri Persidangan Agung Ke-38 Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO), turut berkongsi gambar yang diambilnya dari anjung bilik hotelnya dalam akaun Instagram beliau.

Kapsyen gambar berkenaan tertera: "Gambar ini dirakamkan dari anjung hotel saya pada 2 pagi 14 Nov, 2015, beberapa jam selepas #parisattack2015 pada malam 13 November."

"Keheningan Avenue des Champs Elysees pada jam ini agak menyeleramkan, kerana sebelum ini ia 24 jam sibuk dengan manusia."

Noorul Ainur, penggerusi baharu Suruhanjaya Sains UNESCO bagi penggal 2015-2017 berkata, beliau perlu berada di Paris untuk membentangkan Laporan Lisan Suruhanjaya Sains pada sesi pleno 18 November ini.

Menceritakan tentang hari yang dilaluinya itu, Noorul Ainur berkata, beliau telah menghadiri mesyuarat dengan Kementerian Pendidikan dan Penyelidikan Tinggi Perancis pada 3 petang dan

berlangsung sehingga 5.30 petang Jumaat.

"Kami keluar makan malam kira-kira 7.30 malam dan kembali ke hotel pada 9 malam. Apabila tiba di bilik, saya menonton berita terkini mengenai serangan di sebuah restoran Kemboja di sini, tetapi saya fikir ia insiden kecil, lalu saya tidur," katanya.

"Masa tengah malam, pegawai-pegawai mengejutkan saya dan memberitahu keluarga cuba menghubungi saya. Pada ketika itu, barulah saya sedar bahawa serangan di Paris adalah pada skala yang lebih besar daripada apa yang saya fikirkan mulanya dan lebih 100 orang telah terbunuh," katanya.

Noorul Ainur berkata, anggota delegasi Malaysia yang menghadiri persidangan itu bersama-sama dengannya, juga selamat.

"Saya nasihatkan mereka supaya jangan keluar dari hotel. Saya turut meminta dua daripada pegawai berkenaan supaya pulang ke Malaysia esok," katanya.

Nur Afifah Ijap, Penolong Pengarah Perancangan Strategik, Jabatan Standard Malaysia, sebuah agensi di bawah MOSTI, adalah seorang daripadanya.

"Ia sememangnya pengalaman yang menakutkan. Kami harap dapat tiba di Malaysia dengan selamat," katanya menerusi mesej WhatsApp. -BERNAMA



**NOORULAINUR MOHD NUR**